

Dialek Terengganu dalam Penyampaian Dakwah: Analisis Sosiokognitif

Terengganu Dialect in Preaching of Da'wah: A Socio-Cognitive Analysis

JUNAINI KASDAN & MUHAMMAD FAHMI ABU HASSAN

ABSTRAK

Masyarakat dan bahasa merupakan kesatuan yang tidak dapat dipisahkan. Di Malaysia, selain bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan Bahasa Kebangsaan, dialek tempatan juga dituturkan oleh masyarakat setempat sebagai bahasa sehari-hari. Namun, sejak akhir-akhir ini dialek turut berperanan sebagai medium penyebaran maklumat, misalnya dalam penyebaran dakwah, sesuai dengan individu yang menyampaikannya. Bagi para pendakwah, itulah gaya yang mereka ingin bawakan, iaitu dengan dialek, khalayak akan lebih merasa dekat dan akrab, sehingga ilmu yang disampaikan diharapkan mudah diserap dan dihayati. Namun, timbul persoalan, bagaimanakah penerimaan khalayak terhadap penggunaan dialek dalam penyampaian dakwah? Bagaimana pula persepsi khalayak terhadap sesuatu dialek? Apakah bentuk dialek yang tidak dapat diterima oleh khalayak? Dan bolehkah dialek digunakan dalam penyebaran dakwah? Justeru, kajian ini bertujuan mengenal pasti penerimaan dan pemahaman dialek tempatan, khususnya dialek Terengganu dan menganalisis fenomena penerimaan dialek tersebut dalam penyampaian dakwah dalam kalangan masyarakat. Bagi memenuhi objektif kajian, pengkaji menggunakan seperangkat soal selidik yang dibina khusus untuk kajian ini dengan mengambil contoh leksikal dialek Terengganu yang digunakan oleh pendakwah bebas, Ustaz Azhar Idrus, yang kerap digunakan dalam penyampaian dakwahnya. Hasil kajian menunjukkan bahawa latar belakang sosial mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap pengetahuan dan pemahaman responden. Khalayak didapati tidak menghadapi masalah untuk memahami dialek yang bersifat umum, tetapi bermasalah dalam memahami dialek yang bersifat khusus. Oleh itu, penemuan kajian ini diharap dapat memberikan satu sumbangan baharu dalam bidang linguistik, umumnya dan bidang dakwah, khususnya.

Kata kunci: Dialek Terengganu; dakwah; sosiokognitif; pengetahuan; pemahaman

ABSTRACT

Society and language are inseparable. In Malaysia, Malay language is known as an official language, nevertheless there are local dialects used in daily conversation. Recently, local dialects turned to be popular and used as a medium of interaction in da'wah by the preacher referred to his or her origin state's dialect. The purposes of the usage are to familiarise himself among audience to ensure that main messages can be easily understood. Yet, this circumstances have brought to a questions on how the local audiences may accept the use of local dialect in da'wah? Secondly, what are their perceptions toward such dialect used? Thirdly, are there any types of local dialect that the audience could not accept? Fourthly, is it appropriate to use local dialects in da'wah? Therefore, this study aims to investigate on the acceptance and understanding of the Terengganu's local dialect as well as to analyse this phenomenon in da'wah activities. For this purpose, a set of specific questionnaires is prepared for this study based on the Terengganu's dialect used by a famous independent preacher known as Ustaz Azhar Idrus. Results from the study show that the social background of the respondents had a significant relationship with the level of knowledge and understanding. However, the audiences have no problem to understand dialects in common, but having trouble to understand some specific terms used in the dialects. Accordingly, the findings of this study are to provide a new contribution to linguistics generally, and in da'wah fields particularly.

Keywords: Dialect of Terengganu; Da'wah; socio-cognitive; knowledge; understanding

PENGENALAN

Masyarakat dan bahasa menjadi kesatuan yang tidak dapat dipisahkan, bahkan bahasa menjadi penyatu hati penutur dalam masyarakat. Bahasa merupakan sistem lambang bunyi ujaran yang

digunakan untuk berkomunikasi oleh masyarakat pemakainya. Bahasa yang baik berkembang berdasarkan suatu sistem, iaitu seperangkat aturan yang dipatuhi oleh pemakainya. Bahasa sendiri berfungsi sebagai sarana komunikasi serta sebagai sarana integrasi dan adaptasi. Hal ini sesuai dengan

firma Allah SWT dalam al-Qur'an, Surah ar-Rum, Ayat 30, "di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaan-Nya dan kebijaksanaan-Nya ialah kejadian langit dan bumi, dan perbezaan bahasa, serta warna kulit. Sesungguhnya, yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan bagi orang-orang yang berpengetahuan".

Dalam konteks masyarakat Malaysia, selain bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan Bahasa Kebangsaan, dialek tempatan juga dituturkan oleh masyarakat setempat sebagai bahasa sehari-hari. Pada umumnya kawasan dialek Melayu terdiri daripada kawasan dialek di Semenanjung Malaysia, dan di Sabah serta Sarawak. Di Semenanjung Malaysia dialek tersebut ialah dialek Kedah, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang, Terengganu dan Kelantan (Asmah 1991). Dialek di Sabah dan Sarawak pula terdiri daripada dialek Melayu Sarawak, Kedayan dan Brunei. Setiap dialek mempunyai ciri-ciri tertentu yang membezakannya daripada dialek lain. Perbezaan antara dialek dapat dilihat daripada segi sebutan dan kosa katanya. Namun, secara umumnya sistem tatabahasanya adalah sama. Menurut Abdul Hamid Mahmood (1990), kelainan tersebut tidaklah begitu besar untuk dianggap sebagai satu bahasa yang lain. Hal yang sama turut dinyatakan oleh James T. Collins (1998):

"Closely related to the existence of a canon of Malay dialects is the idea that the boundaries dividing the states of modern Malaysia somehow provide the basis for classifying Malay dialects."

Menurut Guiraud (1970 dalam Ayatrohaedi 1983), ragam dialek terjadi disebabkan adanya hubungan dan keunggulan bahasa yang terbawa ketika terjadi perpindahan penduduk, penyerbuan atau penjajahan. Kewujudan kepelbagaian dialek menyebabkan berlaku ketidaksalingfahaman antara penutur. Bahkan, dialek sering dianggap sebagai suatu bahasa yang substandard, berstatus rendah dan bersifat kedesaan kerana dikaitkan dengan golongan tidak bertaraf tinggi (J. K. Chambers et al. 2002). Hal ini disebabkan dialek bukan bentuk bahasa formal yang boleh digunakan bagi tujuan rasmi. Namun, dialek bersifat komuniti bahasa, iaitu sekumpulan manusia yang berhubung rapat dan kepelbagaian dialek tetap hidup dan berkembang sesuai dengan perannya.

Satu daripada dialek yang terdapat dalam bahasa Malaysia ialah dialek Terengganu. Asmah Hj. Omar (1991) mengelompokkan dialek di Semenanjung Malaysia kepada lima kelompok

dan dialek Terengganu dikelompokkan kepada kelompok Timur dan subdialek yang dituturkan di Kuala Terengganu dianggap sebagai dialek Terengganu standard. Dialek Terengganu bukan sahaja dituturkan oleh penduduk yang berasal dari Terengganu tetapi juga oleh mereka yang menduduki negeri-negeri lain, terutamanya negeri Kelantan dan Pahang yang bersempadan dengan Terengganu, serta Mersing di Johor. Mereka menggunakan dialek ini sebagai alat komunikasi dalam pergaulan seharian untuk mewujudkan sebuah perhubungan yang harmoni. Kini, dialek Terengganu bukan sahaja dituturkan oleh masyarakat berbangsa Melayu tetapi juga dituturkan oleh kaum-kaum lain di Malaysia, misalnya kaum Cina dan India. Fungsinya juga bertukar, bukan sekadar sebagai bahasa pertuturan sehari-hari, tetapi juga berperanan sebagai medium penyebaran maklumat, terutamanya penyebaran agama Islam yang lebih dikenal dengan dakwah.

Dakwah bermaksud suatu kegiatan ajakan baik dalam bentuk lisan, tulisan, tingkah laku dan sebagainya, yang dilakukan secara sadar dan terancang dalam usaha mempengaruhi orang lain, baik secara individu mahupun secara kelompok, agar timbul dalam dirinya sesuatu pengertian, kesedaran, sikap penghayatan serta pengamalan terhadap ajaran agama tanpa ada sebarang paksaan. Menurut Edhy Rustan (2011), satu daripada peranan bahasa yang tidak terlepas daripada kehidupan manusia adalah penyebaran dakwah. Kejayaan dakwah tidak hanya bergantung kepada orang yang menyampaikannya, tetapi juga bahasa yang digunakan. Banyak pesan dakwah yang tidak sampai kepada khalayak kerana kegagalan penggunaan bahasa di dalam penyampaian. Misalnya, penggunaan bahasa yang tidak komunikatif menyebabkan maklumat yang disampaikan tidak dapat difahami dengan baik oleh khalayak. Penggunaan bahasa yang tidak efektif juga menyebabkan dakwah yang disampaikan terasa kering, gersang dan hambar.

Akhir-akhir ini di Malaysia muncul ramai pendakwah, sama ada yang berkhidmat dengan agensi kerajaan, negeri, swasta atau sebagai pendakwah bebas yang menggunakan dialek negeri masing-masing dalam menyampaikan dakwahnya. Bagi para pendakwah, itulah gaya yang mereka ingin bawakan, iaitu dengan dialek khalayak akan lebih merasa dekat dan akrab, sehingga ilmu yang disampaikan diharapkan mudah diserap dan dihayati. Namun, timbul persoalan, bagaimanakah penerimaan khalayak terhadap penggunaan dialek dalam penyampaian dakwah?

Bagaimana pula persepsi khalayak terhadap sesuatu dialek? Apakah bentuk dialek yang tidak dapat diterima oleh khalayak? Dan bolehkah dialek digunakan dalam penyebaran dakwah? Bertitik tolak daripada persoalan tersebut, maka penulis telah menelusuri kajian-kajian yang berkaitan dengan dialek Terengganu, khususnya yang melibatkan penyebaran dakwah, yang pernah dilakukan oleh pengkaji terdahulu, sama ada di dalam mahupun luar negara. Tujuan penelusuran ilmu adalah untuk melihat kelompangan yang boleh dipenuhi melalui kajian ini atau keistimewaan daripada kajian lalu yang dapat dijadikan landasan atau pedoman dalam melaksanakan kajian ini.

PENGAJIAN DIALEK TERENGGANU

Keunikan dan kelainan dialek Melayu Terengganu ternyata telah mendapat perhatian ramai, terutamanya dalam kalangan ahli linguistik, sama ada dari dalam mahupun luar negara, yang memberi fokus kepada aspek dialektologi. Ciri-ciri dan nilai-nilai keunikan serta perbezaannya yang tersendiri, menjadikan dialek ini sentiasa menarik perhatian para sarjana untuk mengkajinya (Asmah Hj. Omar 1988; Abdul Hamid Mahmood 1990). Walau bagaimanapun, penelusuran terhadap kajian-kajian terkini, khususnya yang berkaitan dengan dialek Terengganu hanya menemukan kajian yang mengutarakan permasalahan dialek Terengganu secara umum, sedangkan kajian yang berkaitan dengan dakwah secara khusus tidak ditemukan.

Antara kajian yang memberikan tumpuan kepada dialek Terengganu secara umum ialah kajian *Dialek Terengganu di sekitar Kawasan Pantai Mukim Rusila, Daerah Marang: Satu Kajian Kes* yang dilakukan oleh Zalina Mohd Zalzali (2003), kajian *Dialek Melayu Terengganu: Pendokumentasian dan Pengkelan Warisan Variasi Bahasa Tempatan* oleh Noor Rohana Mansor, Noraien Mansor, Normaliza Abd Rahim (2013), *Perbualan Masyarakat Daerah Kuala Terengganu* oleh Normaliza Abd Rahim, Noraien Mansor dan Noor Rohana Mansor (2014), dan *Dialek Suatu Dimensi Baharu dalam Promosi Perniagaan* oleh Nazilah Mohamad et al. (2016).

Kajian yang dilakukan oleh Zalina Mohd Zalzali (2003) memberikan tumpuan kepada dialek dan subdialek di Kuala Terengganu. Hasil kajian menunjukkan wujudnya kesinambungan dialek antara daerah Marang dan daerah Kuala

Terengganu. Kajian juga berjaya merakamkan keunikan dan kelainan dialek Terengganu kawasan pesisir pantai, terutama daripada aspek fonologi dan kosa kata dalam pertuturan mereka, walaupun kedua-duanya berada pada jarak yang jauh. Sebagai contoh, akhiran /-ai/, /-al/, dan /-au/ dalam bahasa Malaysia standard didominasi oleh sebutan /a/ pada akhirnya seperti dalam perkataan sampai menjadi /sapa/, perkataan mahal menjadi /maha/ dan perkataan pulau menjadi /pula/. Pengkaji juga berjaya mengenal pasti perbezaan bunyi vokal /ɔ/ dan /u/ pada permulaan kata. Misalnya, golongan tua cenderung untuk menyebut perkataan umur dengan bunyi /ɔmɔ/, sedangkan golongan muda mengujarkannya dengan bunyi /umɔ/. Bagi pengkaji, perubahan tersebut dicatatkan sebagai penyusutan ciri-ciri kejatian dialek Terengganu, khususnya di kawasan pantai mukim Rusila.

Penyelidikan yang hampir sama dilakukan oleh Noor Rohana Mansor, Noraien Mansor, Normaliza Abd Rahim (2013), yang memberikan tumpuan kepada aspek keunikan dan keistimewaan dialek Melayu Terengganu serta usaha-usaha ke arah pengkelan, pemeliharaan dan pemuliharaan serta pelestarian warisan bahasa, budaya dan masyarakat negeri Terengganu daripada mengalami kepupusan. Kajian ini melibatkan 120 responden dari mukim Chendering, Batu Rakit, Chabang Tiga dan Banggol Peradong bagi mengenal pasti bentuk-bentuk fonologi yang digunakan dalam pertuturan. Dalam hal ini, pengkaji melihat kelainan sebutan bagi aspek bunyi vokal, konsonan, diftong, suku kata dan kosa kata yang melibatkan pengguguran, penggantian, pemendekan, penegasan sebutan, perkataan serta pengayaan kosa kata tempatan. Namun begitu, kajian ini tidak berlandaskan sebarang teori.

Kajian yang dilakukan oleh Normaliza Abd Rahim, Noraien Mansor dan Noor Rohana Mansor (2014) pula memberikan tumpuan kepada penggunaan bahasa Melayu dialek Terengganu melalui sembang kedai kopi. Sebanyak 120 responden dari mukim Chendering, Chabang Tiga, Batu Rakit dan Banggol Paradong, Kuala Terengganu yang dipilih secara rawak dimanfaatkan dalam kajian ini. Kajian mencatatkan bahawa ketika bersembang di kedai kopi, responden lebih banyak menggunakan perkataan yang berunsurkan bilangan. Ada bilangan yang disingkatkan, misalnya 'nang' untuk 'enam', 'pak' untuk 'empat' dan 'smile' untuk 'sembilan'; selain perkataan yang mengandungi bunyi 'e', misalnya 'tige' untuk 'tiga', 'due' untuk 'dua' 'lime' untuk 'lima' dan sebagainya. Kajian

turut mencatatkan wujudnya pertukaran huruf ‘s’ kepada ‘h’ dan akhiran ‘ng’ yang digunakan oleh penutur. Contohnya, kata ‘belas’ disebut dengan ‘belah’, ‘ratus’ menjadi ‘ratuh’, ‘setahun’ menjadi ‘staung’ dan ‘sembilan’ menjadi ‘smilang’. Selanjutnya, pengkaji menyimpulkan, walaupun ejaan perkataan yang diujarkan itu berbeza sebutannya tetapi masih dapat difahami dengan jelas. Responden memilih menggunakan dialek tempatan kerana kebanyakannya sudah berumur dan lebih selesa menggunakan dialek yang dituturkan secara turun-temurun. Bagi responden, penggunaan dialek menunjukkan wujudnya kemesraan sesama mereka ketika bersembang dan pada masa yang sama dapat memahami orang lain dengan lebih baik.

Berbeza dengan penyelidik lain, Nazilah Mohamad et al. (2016) melihat dialek sebagai suatu dimensi baharu dalam promosi perniagaan. Data dikumpulkan daripada premis perniagaan, termasuk di laman web, Instagram, Facebook, Blog dan media sosial lainnya, serta produk yang dipasarkan di sekitar Kuala Terengganu. Kajian turut melibatkan wawancara responden bagi mendapatkan maklum balas terhadap nama produk dan perniagaan yang dikaji. Kajian mendapati, nama kedai yang mempunyai sebutan menarik dan lucu lebih digemari pelanggan, contohnya, ‘Kedai Mok Cik Gemok’ dan ‘Kedai Air Kocok’, begitu juga dengan nama perniagaan yang mempunyai kelainan makna, seperti ‘Cafe Awok Ite’. Leksikal ‘awok’ tidak merujuk kepada kata ganti diri kedua tetapi merujuk ‘kumpulan’ atau ‘kita semua’. Pengkaji juga mendapati bahawa jenama produk IKS cenderung menggunakan dialek kerana pasaran produk IKS adalah dalam kalangan masyarakat tempatan. Namun begitu, dengan adanya pasaran dalam talian, produk IKS juga mula mendapat tempat di peringkat antarabangsa. Justeru, dalam konteks kajian yang dilakukan, pengkaji menyarankan agar idea yang dicetuskan berdasarkan dialek perlu terus dikembangkan agar dialek tempatan juga dapat dikenali di peringkat antarabangsa.

KAJIAN ALTERNATIF DIALEK TERENGGANU DALAM DAKWAH

Bertitik tolak daripada persoalan yang diutarakan pada awal tulisan, maka kajian ini akan mengangkat permasalahan tentang penggunaan dialek dalam dakwah, dengan tujuan (i) mengenal pasti penerimaan dan pemahaman dialek Terengganu

dalam penyampaian dakwah dalam kalangan masyarakat dan (ii) menganalisis fenomena penerimaan dialek Terengganu dalam penyampaian dakwah dalam kalangan masyarakat. Oleh itu, bagi memenuhi objektif kajian, pengkaji memanfaatkan sampel leksikal dialek Terengganu yang digunakan dalam ceramah Ustaz Azhar Idrus atau lebih dikenali dengan panggilan UAI. UAI telah mencetuskan fenomena baharu dalam bidang dakwah di Malaysia apabila beliau berjaya menarik minat pelbagai lapisan masyarakat tanpa mengira usia untuk memenuhi masjid atau kawasan ceramah, setiap kali kuliah beliau diadakan. UAI dilahirkan di Kampung Ladang, Kuala Terengganu dan mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Hj. Mohd Sharif, Alor Star, Kedah. Selepas tamat pengajian di peringkat rendah, beliau menyambung pengajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Darulaman, Alor Star, Kedah sehingga tingkatan dua sebelum berpindah ke sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Sulaiman, sebuah sekolah Inggeris di Kuala Terengganu hingga tamat tingkatan enam.

UAI, pada mulanya adalah seorang pemain gitar dalam satu kumpulan band muzik yang diberi nama *band boy*, yang bergiat di sekitar Kuala Terengganu. Kumpulan band tersebut pernah membuat beberapa kali persembahan di stadium-stadium dan mampu mencapai khalayak yang ramai. Namun, ketika kumpulan tersebut berhasrat untuk membuat rakaman, beliau menarik diri daripada kumpulan tersebut kerana tujuan beliau menyertai band hanya sekadar suka-suka, dan bukan untuk menjadi terkenal. Beliau juga aktif bersukan dan pernah mewakili Terengganu dalam acara berbasikal pada tahun 1980-an. Selain itu, beliau pernah bekerja dengan Utusan Malaysia cawangan Kuala Terengganu sebagai artis grafik. Selepas berkahwin seminggu pada tahun 1990, beliau membuat keputusan untuk berhenti bekerja dan memulakan kerjaya barunya sebagai pencanting batik. Ketika itulah beliau mempelajari dan mendalami bidang ilmu agama secara bersungguh-sungguh. Antara guru beliau ialah Tuan Guru Hj. Syed Mokhtar, Tuan Guru Mohd Tahir, Tuan Guru Mohd Hakim, Tuan Guru Hj. Hasyim, Tuan Guru Hj. Ibrahim Mesir, Tuan Guru Hj. Muhammad Zubir dan Tuan Guru Hj. Mohd Zain (<http://al-akhaffandi.blogspot.my>).

Nama UAI terus melonjak semasa beliau menyampaikan kuliah pengajian di Terengganu dan pengajian beliau dimuat naik melalui laman *YouTube*. Gayanya yang bersahaja dengan penggunaan dialek Terengganu, penuh humor tetapi tegas menjadikan

beliau terkenal dan mudah didampingi oleh sesiapa sahaja yang mengenali beliau. Hal inilah juga yang menguji minat pengkaji untuk meneliti fenomena kebahasaan yang berlaku, khususnya tentang penerimaan dan pemahaman dialek Terengganu dalam kalangan khalayak UAI.

Data kajian diperoleh daripada soal selidik yang dirangka khusus bagi tujuan kajian ini. Soal selidik dibahagikan kepada empat bahagian, Bahagian A berkenaan maklumat responden, Bahagian B berkenaan penggunaan dialek Terengganu dalam ceramah UAI, Bahagian C dan Bahagian D berkenaan pengetahuan dialek Terengganu.

Bahagian A secara khusus bertujuan mengetahui latar belakang khalayak UAI. Soalan adalah berkaitan dengan maklumat tentang umur, jantina, pendidikan, kaum, tempat lahir, tempat tinggal, bahasa pertuturan harian, dan keturunan ibu dan bapa. Soalan ini penting bagi melihat perkaitan antara penerimaan dialek Terengganu dengan latar sosial responden. Bahagian B pula adalah berkenaan penerimaan dan persepsi khalayak terhadap dialek Terengganu secara umum dan penggunaan dialek Terengganu dalam ceramah UAI itu sendiri. Jawapan disediakan dalam bentuk lima skala Likert, iaitu: (1) sangat tidak setuju, (2) tidak setuju, (3) kurang setuju, (4) setuju dan (5) sangat setuju. Bagi tujuan analisis, skala (1) hingga (3) dikelompokkan sebagai tidak setuju, manakala (4) hingga (5) sebagai setuju. Pengasingan ini bertujuan memudahkan data yang diperoleh di cerakin dengan lebih baik.

Selanjutnya, Bahagian C, secara khusus bertujuan melihat dan menguji tahap pengetahuan, sekali gus penerimaan responden terhadap dialek Terengganu. Sebanyak 10 leksikal dialek Terengganu yang berhomonim dengan bahasa Melayu baku diujikan kepada responden, contohnya pinggang, selalu dan sebagainya. Setiap soalan disertakan dengan contoh cara menjawab dan contoh ayat bagi memudahkan penilaian responden. Perkataan yang dipilih ditandai dengan huruf tebal. Bahagian D juga bertujuan melihat dan menguji tahap penerimaan responden terhadap dialek Terengganu. Namun, bahagian ini memberikan tumpuan kepada leksikal khusus dialek Terengganu, contohnya bekeng, berrak nanang, dan sebagainya. Sebanyak 10 leksikal dialek Terengganu yang sering digunakan dalam ceramah UAI diujikan kepada responden. Contoh jawapan diberikan dan responden diminta menuliskan jawapan lain mengikut pemahaman mereka. Bagi tujuan penganalisisan data, pengkaji menggunakan analisis deskripsi mudah dengan

bantuan perisian SPSS (*Statistical Package for the Social Sciences*).

Selanjutnya, teori dan pendekatan sosiokognitif dimanfaatkan untuk menjelaskan fenomena yang berkaitan dengan pengetahuan dan pemahaman dialek Terengganu ini. Istilah sosiokognitif pertama kali dikemukakan oleh Atkinson (2002) sebagai hibrid atau gabungan daripada istilah sosial dan kognitif:

The term sociocognitive is proposed by Atkinson as the hybrid of the social and the cognitive. ... Sociocognitive, made up from socio and cognitive, covers both the social (including cultural) and cognitive phenomena, which are closely related to language and language learning.

Dalam konteks kajian ini, pengkaji menggunakan pendekatan sosiokognitif untuk melihat dan menjelaskan pertalian antara pengetahuan dan pemahaman dialek Terengganu dengan latar sosial (persekitaran, pendidikan, jantina, bahasa pertuturan sehari-hari dan sebagainya) responden. Pendekatan sosiokognitif menekankan bahawa kelakuan manusia saling bertindak antara kognitif, tindakan dan ejen penentu persekitaran (Junaini Kasdan, Nor Hashimah Jalaluddin & Zaharani Ahmad 2011). Huraian dan penjelasan adalah berdasarkan analisis statistik deskriptif dan pengukuhan prinsip-prinsip sosiokognitif.

Menurut prinsip sosiokognitif, proses kognitif yang terlibat ialah mengenal pasti, iaitu keupayaan khalayak terlibat dengan bentuk atau peristiwa kebahasaan yang sama berlaku berulang kali yang mendorong tindakan kognitif untuk meluahkan kembali peristiwa kebahasaan melalui tindakan, sama ada dalam bentuk tulisan atau lisan. Dalam hal ini, peristiwa kebahasaan yang disaksikan oleh khalayak dijadikan model pembelajaran tidak langsung. Di sinilah, berlakunya proses peniruan. Namun, manusia tidak akan meniru tingkah laku individu lain secara automatik, sebaliknya akan membuat jangkaan implikasi tindakan sebelum membuat keputusan untuk meniru. Pada umumnya, seseorang akan membuat jangkaan implikasi tindakan peniruan tersebut terlebih dahulu sebelum membuat keputusan untuk meniru. Dalam hal ini, proses peniruan akan melibatkan prinsip perhatian (*attention*), penyimpanan maklumat (*retention*), melakukan semula (*reproduction*), dan penguatan (*reinforcement*). Dalam konteks kebahasaan juga, sosiokognitif menegaskan bahawa kejayaan seseorang untuk menguasai sesuatu bahasa banyak bergantung kepada sikap individu itu sendiri. Daripada perspektif sosiokognitif, setiap individu

dilihat sebagai mempunyai sikap yang proaktif dan mampu mengawal diri sendiri, berbanding hanya sekadar bertindak balas dan dikawal oleh kekuatan biologi serta persekitarannya:

Sociocognitive Theory posits that self-reference thought acts as a mediator between knowledge and action, and individuals evaluate their own experiences and thought processes through self-reflection.

(Atkinson 2002)

LATAR BELAKANG KHALAYAK UAI

Kajian ini melibatkan 50 orang responden yang terdiri daripada 30 orang (60%) lelaki dan 20 orang (40%) perempuan. Jumlah tersebut adalah berdasarkan jumlah borang soal selidik yang diterima semula dan maklumat yang diberikan adalah lengkap. Daripada jumlah tersebut, 46% terdiri daripada kalangan khalayak yang berusia 46 tahun ke atas, 42% berusia 15 hingga 25 tahun, dan selebihnya, masing-masing 6% terdiri dari kalangan khalayak yang berusia 26 hingga 35 tahun dan 36 hingga 45 tahun. Taburan berdasarkan kaum pula menunjukkan 98% adalah kaum Melayu dan 2% terdiri daripada kaum-kaum lain. Lebih daripada 76% khalayak UAI yang dikaji adalah terdiri daripada mereka yang berpendidikan tinggi, 12% berpendidikan menengah dan selebihnya 6% adalah daripada kalangan yang berpendidikan rendah dan kumpulan-kumpulan lain.

Selanjutnya, berdasarkan tempat kelahiran, pengkaji mencatatkan lebih daripada 24% responden berasal dari Perak dan Pulau Pinang, 24% responden berasal dari Melaka, Johor dan Negeri Sembilan, 16% berasal dari Kelantan, Pahang dan Terengganu, serta hampir 30% berasal dari Selangor dan Kuala Lumpur. Selebihnya, iaitu 2% berasal dari Singapura. Sementara itu, sebanyak 84% responden merupakan penduduk tetap yang tinggal di sekitar Selangor, manakala selebihnya, iaitu 16% datang dari luar kawasan Selangor. Maklumat responden menunjukkan 76% responden menggunakan bahasa Melayu standard dalam pertuturan sehari-hari, 6% menggunakan dialek utara, 14% menggunakan dialek timur, dan 4% menggunakan dialek selatan.

Secara umumnya, daripada 50 orang responden yang dikaji, sebanyak 54% bersetuju bahawa mereka suka belajar dialek Terengganu dan 46% responden bersetuju bahawa dialek Terengganu mudah difahami. Secara umumnya, hanya 26% responden yang menyatakan mereka suka menggunakan dialek

Terengganu. Kajian turut mencatatkan bahawa 26% responden menghadapi masalah untuk memahami dialek Terengganu yang digunakan oleh UAI dan 30% responden menyatakan bahawa mereka sukar untuk memahami sepenuhnya ceramah UAI. Sebilangan besar, iaitu 76% responden pula menyatakan mereka suka pada unsur gurauan yang diselitkan oleh UAI dalam ceramahnya, walaupun menggunakan dialek Terengganu.

Penggunaan dialek Terengganu dalam ceramah UAI dianggap sebagai kelainan yang membuatkan ceramah tersebut menjadi menarik bagi sesetengah responden. Sejumlah 76% responden bersetuju dengan pendapat tersebut. Manakala 24% daripada responden tidak setuju dengan pendapat tersebut. Selanjutnya, 72% responden menganggap penggunaan dialek Terengganu dalam ceramah UAI mengganggu pemahaman maksud yang cuba disampaikan, manakala 26% responden lagi tidak menghadapi masalah untuk mereka terganggu akibat daripada penggunaan dialek Terengganu yang digunakan oleh UAI dalam ceramahnya. Sehubungan dengan itu, sebanyak 66% daripada responden bersetuju bahawa UAI tidak perlu mengurangkan dialek Terengganu dalam ceramahnya, manakala 34% lagi merasakan UAI perlu mengurangkan dialeknnya dalam ceramah yang disampaikan. Maklumat berkaitan latar belakang responden ini sangat diperlukan untuk melihat kesignifikanan antara faktor sosiokognitif dengan penerimaan leksikal yang digunakan dalam ceramah UAI.

PEMAHAMAN LEKSIKAL DIALEK TERENGGANU

Pada bahagian ini, pengkaji memilih beberapa ayat daripada ceramah UAI untuk diuji kepada responden. Dalam setiap ayat terdapat satu leksikal yang ditandai dengan huruf tebal untuk menguji tahap pemahaman responden. Leksikal yang dipilih oleh pengkaji adalah bersifat homonim, iaitu perkataan yang sama bunyi atau ejaannya dengan perkataan lain tetapi berbeza maknanya (KDE4 2015). Dalam kajian ini, pengkaji memilih leksikal yang bersifat homonim kerana dalam dialek Terengganu yang dikaji, terdapat penggunaan leksikal yang turut digunakan dalam bahasa Melayu baku tetapi mempunyai makna yang berbeza. Leksikal yang diuji dan taburan peratusan leksikal tersebut difahami disenaraikan dalam jadual 1.

JADUAL 1. Taburan peratusan penerimaan leksikal dialek Terengganu

BIL	LEKSIKAL	FAHAM	TIDAK FAHAM	SALAH MAKSUD
1	Pinggang	94%	6%	0%
2	Dalang	72%	22%	6%
3	Jalang	78%	18%	4%
4	Bahang	42%	38%	20%
5	Sabung	62%	24%	14%
6	Selalu	72%	24%	4%
7	Api	76%	18%	6%
8	Saing	60%	36%	4%
9	Sebak	56%	32%	12%
10	Sarang	34%	38%	28%

Secara umumnya, kajian mencatatkan bahawa responden tidak menghadapi masalah untuk memahami leksikal berbentuk homonim dengan kata dalam bahasa Melayu baku yang digunakan dalam ceramah UAI. Berdasarkan Jadual 1, pengkaji mengelompokkan leksikal yang diuji kepada tiga tahap, iaitu tinggi (kuning), sederhana (biru), dan rendah (jingga). Hasil analisis menunjukkan bahawa leksikal yang paling mudah difahami oleh responden ialah leksikal pinggang (94%), dalang (72%), jalang (78%), selalu (72%), dan api (76%). Bagi khalayak UAI, leksikal ‘pinggang’ yang bermaksud pinggan, ‘dalang’ yang bermaksud dalam dan ‘jalang’ yang bermaksud jalan, tidaklah sukar untuk dikenal pasti maksudnya. Hal ini kerana dalam kognisi masyarakat, bahkan masyarakat bukan penutur dialek Terengganu juga maklum ciri umum dialek ini, iaitu berlakunya penyengauan velar ‘ŋ’ pada hujung perkataan, terutamanya yang berakhir dengan konsonan ‘m’ dan ‘n’. Contohnya, leksikal asal bagi ‘pinggang’ adalah ‘pinggan’ dalam bahasa baku, namun telah berlaku proses menambahkan nasal [ŋ] atau penyengauan di akhir leksikal tersebut. Vokal [a] dalam suku kata akhir tertutup akan kekal.

Berdasarkan ayat *Pinggang tu dah sudah makang, bawak gi basuh. Boley gak pahle. Ye dok?* contohnya, walaupun khalayak tidak dapat memahami maksud keseluruhan ayat tersebut, namun mereka sudah mendapat klu yang diperlukan bagi memahami maksud ‘pinggang’, iaitu ‘sudah makang’ dan ‘bawak gi basuh’. Kognisi khalayak dengan mudah akan mengaitkan ‘basuh’ dengan ‘pinggang’. Tidak mungkin yang dimaksudkan adalah membasuh ‘pinggang’ iaitu ‘bahagian badan antara rusuk dan pinggul’ (KDE4 2015), sebaliknya yang dibasuh tentulah ‘pinggan’. Tambahan pula,

khalayak sudah memaklumi berlakunya peraturan penggantian konsonan ‘n’ kepada ‘ng’ dalam dialek Terengganu, sehingga mereka dapat menjangka perkataan yang digunakan dengan tepat.

Bagi masyarakat di luar kelompok penutur dialek Terengganu, memahami perubahan tersebut bukanlah suatu yang sukar kerana mereka biasa mendengar dan menerima perubahan tersebut sebagai sesuatu yang konvensional. Dengan memberikan perhatian terhadap perubahan yang berlaku, khalayak dapat meniru penyebutan yang betul, dan menggunakan kosa kata yang tepat. Seterusnya, individu sebagai peniru hendaklah menyimpan apa-apa bentuk perlakuan yang hendak ditiru dalam memori mereka, sama ada bagi jangka pendek atau jangka panjang. Daripada segi bahasa, mereka hendaklah menyimpan dalam memori cara penyebutan, penggunaan kosa kata, aspek fonetik, fonologi atau sintaksis secara lengkap supaya proses peniruan dapat dilakukan dengan baik. Hal ini dikaitkan dengan proses penyimpanan maklumat dalam memori jangka pendek dan jangka panjang. Ke kerapannya menggunakan atau mendengar ungkapan tersebut membolehkan ujaran disimpan dalam memori jangka panjang dan mudah digunakan kembali apabila diperlukan.

Hal yang sama berlaku bagi kata ‘dalang’ dan ‘jalang’ dalam ayat *‘Orhang mayang dalang, ada pulok hok curi kasut.’* dan *‘Kite dok nikoh gi, jalang rate doh...’* Berdasarkan formula perubahan leksikal yang berlaku, iaitu [n] dan [m] yang berada di akhir perkataan berubah kepada nasal [ng], maka maksud bagi kedua-dua kata ‘dalang’ dan ‘jalang’ juga dapat dikenal pasti oleh khalayak UAI dengan mudah. Kognisi penutur dengan mudah dapat mengaitkan kata ‘mayang dalang’ dengan ‘curi kasut’. Kejadian mencuri kasut sememangnya sering kali berlaku

di luar masjid ketika orang lain bersembahyang di dalam masjid (*mayang dalang sejik*). Walau bagaimanapun terdapat sebilangan responden yang tidak dapat memahami maksud leksikal yang digunakan. Antara jawapan yang diberikan oleh responden bagi kata ‘dalang’ ialah ‘dajal’ (2%), ‘dulang’ (2%), ‘talam’ (2%) dan ‘tidak tahu’ (22%). Bagi kata ‘jalang’ pula terdapat responden yang memberikan jawapan ‘perempuan jalang’ (2%) dan ‘tidak tahu’ (18%). Hakikatnya, khalayak yang tidak dapat memahami maksud leksikal ‘pinggang’, ‘jalang’ dan ‘dalang’ adalah disebabkan latar sosialnya, iaitu mereka berasal dari Singapura atau mereka yang tidak menggunakan dialek pantai timur sebagai bahasa pertuturan harian mereka.

Analisis selanjutnya mendapati bahawa hal yang berbeza berlaku terhadap leksikal ‘sarang’ dan ‘bahang’ walaupun kedua-dua leksikal tersebut juga mengalami perubahan konsonan [n] kepada

nasal [ng] pada akhir kata. Kajian ini mendapati bahawa 28% responden memberikan makna yang salah bagi leksikal ‘sarang’ dan 20% untuk leksikal ‘bahang’ walaupun kedua-duanya mempunyai pola perubahan yang sama. Hakikatnya, tidak semua responden berjaya memahami makna ‘sarang’ yang bermaksud ‘saran’, iaitu ‘pendapat yang dikemukakan untuk dipertimbangkan’ (KDE4 2015) serta ‘bahang’ yang bermaksud ‘bahan’, iaitu ‘ramuan untuk membuat sesuatu’ (KDE4 2015) dalam ayat ‘*Dalam Islam doh sarang siap doh hok set puang nak pakai tutup aurat guane.*’ dan ‘*Die tulis situ bahang nok masok dah. Tak dok syarat kate ...*’ antara pemahaman ‘bahang’ dalam kalangan sebahagian responden adalah ‘hentam’ (2%), ‘makan’ (2%), ‘padahal’ (4%), ‘panas’ (6%), ‘suka hati’ (4%) dan tidak tahu (38%). Perbezaan makna leksikal ‘sarang’ yang terdapat dalam kognisi khalayak dipaparkan dalam Jadual 2.

JADUAL 2. Kekerapan makna leksikal ‘sarang’

Makna Leksikal	Kekerapan	Peratus
Attack	1	2.0
Beritahu	1	2.0
Pesan	1	2.0
Saran	17	34.0
Saran/Saranan	1	2.0
Sarang	1	2.0
Sarankan/Cadangkan	1	2.0
Sarung	1	2.0
Suruh	3	6.0
Syarat	2	4.0
Tak Tahu	19	38.0
Terangkan	1	2.0
Tetap	1	2.0
JUMLAH	50	100.0

Peratusan yang ditunjukkan, sama ada bagi kata ‘sarang’ mahupun kata ‘bahang’ memberikan gambaran bahawa ceramah yang disampaikan oleh UAI tidak dapat difahami sepenuhnya oleh khalayak. Hal ini tentunya boleh menyebabkan kegagalan dalam penghayatan dan pengamalan ajaran Islam.

Ketidakfahaman khalayak dapat dimaklumi kerana mereka sukar untuk mendapatkan klu yang boleh dikaitkan dengan leksikal tersebut. Misalnya, kata ‘sarang’ sukar untuk dikaitkan dengan leksikal sebelum atau selepasnya, apatah lagi bagi khalayak yang tidak biasa atau tidak suka untuk mempelajari dialek Terengganu. Walaupun khalayak dapat

menjangka bahawa kata ‘sarang’ berasal daripada kata ‘saran’ yang mengalami perubahan akhiran [ng], namun frasa ‘dalam Islam doh...’ dan ‘... siap doh hok set puang...’ tidak dapat memberikan sebarang klu kepada khalayak untuk memahami maksud ‘sarang’ (saran) kerana leksikal-leksikal yang digunakan adalah dalam dialek Terengganu, yang tidak biasa mereka gunakan. Dalam hal ini prinsip keempat sosiokognitif, iaitu peneguhan terhadap peniruan yang dilakukan tidak dapat dilaksanakan oleh khalayak UAI. Lazimnya, peneguhan dilakukan oleh ahli keluarga atau rakan terdekat. Namun, oleh sebab responden bukan daripada kalangan penutur

dialek Terengganu dan lingkungan yang juga tidak menggunakan dialek Terengganu, maka peneguhan tidak dapat dilaksanakan, sehingga mereka gagal memahami leksikal tersebut. Justeru, dalam hal ini khalayak cenderung untuk memproses makna leksikal mengikut makna biasa yang mereka fahami.

Pada hemat pengkaji, konteks leksikal yang diuji juga tidak dapat difahami oleh responden disebabkan perubahan kelas kata leksikal tersebut. Dalam bahasa Melayu baku, ‘bahang’ yang bermaksud ‘hawa panas yang dikeluarkan oleh sesuatu benda hangat’ (KDE4 2015) digolongkan dalam kelas kata adjektif, sedangkan dalam dialek Terengganu, leksikal tersebut digolongkan dalam kelas kata nama. Justeru, yang mereka fahami adalah makna yang lazim mereka gunakan, iaitu ‘hawa panas’.

Selanjutnya, hasil analisis menunjukkan bahawa lebih daripada 40% responden menghadapi masalah untuk memahami makna ‘sebak’ dan ‘saing’, dan 38% bermasalah dengan makna ‘sabung’. Walaupun kata *sabung* juga mengalami proses penggantian konsonan [n] kepada nasal [ng], namun khalayak masih keliru dengan makna perkataan tersebut dalam bahasa Melayu baku. Kata ‘sabung’ bermaksud ‘adu, laga (ayam, lembu, dll) (KDE4 2015), sedangkan yang dimaksudkan dalam dialek Terengganu ialah ‘sabun’, iaitu ‘sejenis bahan pencuci pakaian (badan dll) yang diperbuat daripada lemak dan soda’ (KDE4 2015). Dalam kalangan khalayak yang tidak biasa dengan dialek Terengganu, kata ‘sabung’ dalam ayat *kite dok sabung badang tu, die main pai pulok* pastinya sukar untuk difahami. Bahkan, bukan maksud ‘sabung’ itu sahaja yang sukar difahami, tetapi keseluruhan maksud yang hendak disampaikan juga tidak difahami. Kognisi khalayak sukar mengaitkan perkataan ‘sabung’ dengan perkataan lain yang disebutkan dalam dialek Terengganu. Antara jawapan responden bagi kata ‘sabun’ ialah ‘hiasan’ (2%), ‘lawan’ (8%), ‘marah’ (2%), ‘sambung’ (2%) dan ‘tidak tahu’ (24%).

Berbeza dengan ‘jalang’, ‘dalang’, ‘bahang’, ‘sarang’, dan ‘sabung’ yang mengalami perubahan konsonan [n] kepada nasal [ng] pada akhir kata, kata ‘saing’ pula memang merujuk kepada kata asal yang digunakan dalam dialek Terengganu bukan kerana mengalami perubahan konsonan [n] kepada nasal [ng]. ‘Saing’ dalam ayat *saing ni jahat gok die tak kabo, dia wi hotel hok dalam bukit dudok situ* bermaksud ‘kawan, rakan’ sama dengan takrifan yang diberikan KDE4 (2015), iaitu ‘orang yang menjadi kawan; teman’. Namun, dalam kognisi penutur Melayu yang tidak biasa menggunakan

dialek Terengganu terdapat makna lain bagi ‘saing’, iaitu ‘berlumba-lumba hendak melebihi orang lain; atas-mengatasi’ (KDE4 2015). Dalam konteks contoh ayat yang diberikan, kata ‘saing’ dikelirukan dengan kata ‘jahat’, sehingga yang muncul dalam andaian khalayak ialah makna ‘berlumba-lumba atau lawan’ dan bukannya ‘rakan’. Hal ini menyebabkan sebahagian khalayak UAI yang tidak biasa dengan dialek Terengganu gagal memahami maksud yang disampaikan. Justeru, dalam konteks penyebaran dakwah, penggunaan dialek yang seumpama ini perlu dielakkan kerana boleh menimbulkan salah faham kepada khalayak atau bahkan mereka tidak memahaminya sama sekali. Para pendakwah atau penyampai ilmu perlu memahami persekitaran atau latar belakang khalayak terlebih dahulu sebelum memilih bahasa yang sesuai untuk digunakan.

Seterusnya, khalayak diujikan pula dengan leksikal ‘sebak’ berasal daripada kata ‘sebab’ tetapi mengalami proses penggantian fonem [b] kepada fonem [k] atau /ʔ/ dalam dialek Terengganu. Walaupun perubahan yang berlaku hanya pada fonem [b] kepada fonem [k], namun kajian ini mencatatkan 48% responden yang mengikut kuliah UAI tidak dapat memahami maksud perkataan tersebut. Sekiranya dalam keadaan responden dibekalkan teks (soal selidik), yang boleh dibaca berulang kali, mereka tidak dapat memahami maksud leksikal tersebut, apatah lagi dengan cara mendengarnya sekali sahaja. Ayat yang dibekalkan kepada responden ialah: “*Dengan sebak tuhan die bewi kuase, dia lupa pade agame. Dia duduk bersama firaun di padang mahsyar*”. Dalam hal ini, leksikal ‘sebak’ difahami oleh responden sebagai ‘nangis’ (2%), ‘sebut’ (2%), ‘sedih’ (6%), ‘sembah’ (2%) dan ‘tidak tahu’ (32%). Padanan makna tersebut menunjukkan bahawa lebih daripada 40% responden tidak terdedah dengan dialek Terengganu. Berdasarkan prinsip sosiokognitif, pemahaman seseorang terhadap sesuatu fenomena kebahasaan adalah bermula dengan rangsangan, kemudiannya diproses diberikan makna, dan diakhiri dengan tindakan peniruan, iaitu dengan menuturkan semula sesuatu perkataan atau kalimat tersebut. Namun, hasil peniruan tersebut tidak menjanjikan ungkapan tersebut tepat dan betul daripada segi maknanya. Dalam konteks kajian ini, didapati bahawa kognisi khalayak UAI cenderung membekalkan makna yang mereka gunakan sehari-hari, walaupun makna yang difahami tidak tepat.

PENGETAHUAN LEKSIKAL DIALEK TERENGGANU

Dalam sesuatu dialek, terdapat leksikal yang jarang didengari oleh penutur luar kerana leksikal tersebut menjadi ciri istimewa dialek berkenaan, selain penggunaannya yang terhad kepada kelompok penutur dialek tersebut disebabkan adanya halangan faktor geografi. Kelompok dialek ini disebut sebagai leksikal khusus. Bagi tujuan kajian ini, pengkaji memilih 10 leksikal khusus yang sering digunakan dalam kuliah UAI. Leksikal yang dipilih dan diujikan kepada responden ialah *bekeng*,

berak nannang, dok dang dang, guane, jeng kreg, kecek, le bong, meroh merang, sokmo dan tubik. Penggunaan leksikal ini tidak asing bagi penutur dialek Terengganu dan dialek pantai timur kerana menjadi bahasa pertuturan seharian mereka. Namun, bagi masyarakat yang tidak pernah bergaul dan tidak biasa dengan dialek Terengganu, mereka akan menghadapi masalah dalam memahami makna yang cuba disampaikan. Bagi tujuan perbincangan, hasil maklum balas responden dikelompokkan kepada 'betul', 'salah' dan 'tidak tahu'. Semua maklum balas daripada responden dipaparkan dalam Jadual 3 yang berikut.

JADUAL 3. Penerimaan dialek Terengganu khalayak UAI

DIALEK TERENGGANU		BETUL	%	SALAH	%	TIDAK TAHU	%
Bekeng	Garang		46%	Bikin	6%	Tak tahu	18%
	Marah		14%	Jahat	2%		
	Marah/ cenge		2%	Masak	2%		
	Pemarah		4%	Nakal	2%		
				Samseng	2%		
			Tidak sopan	2%			
Jumlah			66%		16%		18%
Berak nanang	Berat		2%	Buruk	2%	Tak tahu	50%
	Berat betul		2%	Masalah	2%		
	Berat sangat		4%	Ngoo	2%		
	Berat sungguh		8%	Payah	2%		
	Kes berat		2%	Pemalas	2%		
	Menyusahkan		2%				
	Sangat berat		2%				
	Teruk		12%				
	Teruk dah ni/ teruk/ melampau		2%				
	Teruk sangat		4%				
Jumlah			40%		10%		50%
Dok dang dang	Nak cepat		2%	Duduk diam	2%	Tak tahu	46%
	Tak dan dan		2%	Joget	2%		
	Tak menyempit		4%	Macam tu	2%		
	Tak sabar		4%	Siap	2%		
	Tak sabar-sabar		4%	Tak boleh	2%		
	Tak sempat		16%	Dandut	2%		
	Tak sempat- sempat		6%	Tiba-tiba	2%		
				Selalu	2%		
Jumlah			38%	16%		46%	
Guane	Apa cerita		2%	Mengapa	4%	Tak tahu	12%
	Apahal		4%				
	Bagaimana		16%				
	Bagaimana/macam mana		2%				
	Camne		2%				
	Guano		2%				
	Kenapa		8%				
Macam mana		48%					
Jumlah			84%	4%		12%	

DIALEK TERENGGANU	BETUL	%	SALAH	%	TIDAK TAHU	%
Jeng kreg	Bermasalah	4%	Berat	2%	Tak tahu	64%
	Mati kutu	2%	Buntu	2%		
	Rosak	4%	Gila-gila	6%		
	Tak boleh buat apa	2%	Jem	2%		
	Teruk	4%	Jem (kaku)	2%		
Jumlah		16%	Jeng jeng jeng	4%		
			Jeng-jeng	2%		
				20%		64%
Kecek	Bercakap	10%	Minta	4%	Tak tahu	12%
	Cakap	64%				
	Cerita	2%				
	Kata	2%				
	Tipu	2%				
	Tipu/tipu daya	2%				
	Tipu/bercakap	2%				
	Jumlah		84%		4%	12%
Lebong	Bohong	6%	Lubang	4%	Tak tahu	68%
	Menipu	8%	Lebam	2%		
	Tipu	10%	Cenge	2%		
Jumlah		24%		8%	68%	
Meroh merang	Merah	4%	Berani	2%	Tak tahu	46%
	Merah betul	2%	Malu	2%		
	Merah menyala	10%	Sangat marah	2%		
	Merah menyala jantung ku	2%	Merak	2%		
	Merah nyala		Selalu marah	2%		
	Merah sangat	4%				
	Merah terang	10%				
	Sangat merah	10%				
		2%				
	Jumlah		44%		10%	46%
Sokmo	Selalu	64%	Asyik/ kerap	2%	Tak tahu	14%
	Selalu/ sentiasa	2%	Kenapa	2%		
	Sentiasa	4%	Sama	2%		
	Sentiasa/ selalu	2%	Segala	2%		
			Sumo	2%		
Jumlah		72%	Semua	4%		
				14%	14%	
Tubik	Keluar	52%	Balik	14%	Tak tahu	16%
	Terbit	4%	Cakap	2%		
	Timbul	2%	Jolok	2%		
	Pergi	4%	Laluan	2%		
			Pukul	2%		
Jumlah		62%		22%	16%	

Secara umumnya, Jadual 3 menunjukkan bahawa kefahaman responden terhadap dialek Terengganu yang sering digunakan dalam ceramah UAI adalah pada tahap yang kurang memuaskan. Pemahaman makna bagi leksikal yang diujikan sangat pelbagai, misalnya pemahaman terhadap leksikal 'kecek', 'guane' dan 'sokmo', yang rata-rata dapat difahami dengan baik. Hasil analisis menunjukkan 24% daripada responden adalah berasal dari pantai timur, Terengganu, Kelantan

dan Pahang. Oleh itu, perkataan tersebut tentunya tidak asing bagi mereka. Secara tidak langsung, mereka juga sebenarnya agen yang membantu mempopularkan leksikal tersebut dalam kalangan penduduk di lokasi tinjauan. Ikatan persaudaraan yang kuat menyebabkan masyarakat bukan penutur dialek Terengganu atau pantai timur tidak kekak untuk turut menuturkan perkataan tersebut, apatah lagi kerana perkataan 'kecek', 'guane' dan 'sokmo' mudah untuk disebut dan diingat.

Namun demikian, terdapat juga leksikal yang sangat sukar untuk difahami oleh responden, contohnya, 'berak nanang', 'dok dang', 'leborg', dan 'jengkeng'. Lebih daripada 60% responden tidak dapat memberikan makna yang betul bagi kata tersebut. Leksikal 'berak nanang' didapati sangat sukar untuk difahami oleh khalayak UAI, apatah lagi dalam soal selidik yang berkaitan tidak diberikan contoh ayat. Dalam *Glosari Dialek Terengganu* (Ismail Dahaman et al. 1997), leksikal tersebut diertikan sebagai 'terlalu berat'. Berdasarkan data yang diperolehi, setiap responden mempunyai variasi makna yang berbeza mengikut kefahaman mereka yang tersendiri. Antara jawapan yang diberikan oleh responden dan tidak menyimpang daripada makna asal, ialah *berat, berat betul, berat sangat, berat sungguh, dan sangat berat*.

Bagi responden yang memberi takrifan yang salah pula, pengkaji tidak mengklasifikasikan jawapan yang diberikan sebagai jawapan yang salah. Hal ini demikian kerana pengetahuan setiap orang untuk mentafsir sesuatu kata itu berbeza. Ada kalanya makna yang dimaksudkan bersifat tersirat dan bukanlah makna yang tersurat semata-mata. Perkataan *berak nanang* boleh juga membawa maksud yang lain mengikut penggunaan konteks ayat. Jawapan lain turut diberikan oleh responden lain, iaitu *teruk, menyusahkan, payah teruk, melampau dan pemalas* yang masih boleh dianggap betul dan tidak salah dalam konteks tertentu. Menurut Chamber & Trudgill (1998), 'Bahasa adalah sekumpulan dialek yang bersifat saling faham (*mutually intelligible*) antara satu sama lain'. Hal ini dapat dimaklumi kerana khalayak yang bukan penutur asli memerlukan masa untuk memahami leksikal khusus yang terdapat dalam sesuatu dialek. Secara tidak langsung, pemahaman responden dalam sesuatu dialek yang dituturkan turut dipengaruhi oleh pengetahuan mereka. Terdapat 50% responden yang menjawab 'tidak tahu' bagi makna leksikal ini dan 54% daripadanya terdiri daripada kalangan mereka yang berpendidikan tinggi.

Menurut Mohamed Fazal Mohamed Sultan et al. (2016), pengajaran dan pembelajaran tatabahasa preskriptif tidak boleh menyetepikan tatabahasa deskriptif yang dimiliki oleh penutur natif sesuatu kawasan. Justeru, oleh sebab kanak-kanak membesar dengan ibu bapa sejak kecil, maka setiap bahasa awal yang dipelajari adalah menerusi ibu bapa mereka. Sekiranya ibu bapa adalah penutur dialek Terengganu, maka anak mereka akan membesar dengan dialek tersebut walaupun mereka tinggal di

luar negara. Bezanya, kanak-kanak itu akan dapat menguasai dua bahasa dalam satu masa. Berbalik pada leksikal yang diuji, walaupun pendengar dapat memahami sesetengah konteks ayat, namun bagi leksikal khusus dialek Terengganu, hal tersebut sangat menyukarkan pendengar untuk memahami sekiranya tidak ada pengetahuan tentang dialek tersebut dalam kognisi mereka.

Kajian mencatatkan bahawa hampir 70% responden tidak mengetahui makna kata 'leborg' yang bermaksud 'tipu' atau 'penipuan'. Kurangnya pendedahan terhadap leksikal ini menyebabkan tahap penguasaan responden terhadap dialek tersebut juga rendah. Penerimaan bahasa Melayu standard yang baik oleh kelompok yang mempunyai pendidikan tinggi turut mempengaruhi pemahaman dialek, khususnya dalam kalangan penutur luar dialek berkenaan. Hal ini sesuai dengan pernyataan Idris Aman et al. (2014), semakin tinggi taraf pendidikan penutur, dan mereka yang berada dalam kelompok sosial tinggi cenderung untuk menggunakan lebih penyaring yang dimiliki oleh bahasa standard.

Selanjutnya, kajian juga mencatatkan bahawa 84% khalayak UAI tidak dapat memahami maksud bagi kata 'jeng keng' yang kerap digunakan oleh UAI dalam forum dakwah beliau. 'Jeng keng' bermaksud 'masalah' atau 'bermasalah', namun difahami oleh khalayak sebagai 'berat' (2%), 'buntu' (2%), 'gila-gila' (6%), 'jem' (4%), 'jeng jeng jeng' (4%), 'jeng-jeng' (2%), dan 'tidak tahu' (64%). Berdasarkan jawapan yang diberikan, dapat dilihat bahawa khalayak cenderung memilih makna yang hampir sama dengan bunyi leksikal asal. Hal ini kerana kognisi mereka gagal memberikan sebarang klu yang dapat dijadikan rujukan.

Hal yang pasti adalah sekiranya leksikal tersebut merupakan leksikal utama dalam konteks pengetahuan yang ingin disampaikan, sudah pasti maklumat tersebut tidak dapat dicerna dengan baik oleh khalayak. Justeru, pengkaji berpandangan bahawa penggunaan dialek dalam kegiatan dakwah, khususnya, perlu dihadkan pada leksikal dialek yang bersifat umum sahaja dan tidak berkait dengan hukum-hakam. Penggunaan dialek yang bersifat khusus akan mengganggu pemahaman khalayak terhadap maklumat yang ingin disampaikan.

KESIMPULAN

Walaupun dialek Terengganu merupakan satu daripada dialek yang terdapat di Malaysia dan penggunaanya

sudah mula tersebar dalam kalangan penutur dari luar negeri Terengganu, namun hasil kajian menunjukkan bahawa latar belakang sosial, seperti jantina, umur, kaum, pendidikan, tempat tinggal dan sebagainya mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap pengetahuan dan pemahaman responden terhadap dialek tersebut. Pada umumnya khalayak tidak menghadapi masalah untuk memahami dialek yang bersifat umum, tetapi bermasalah dalam memahami dialek yang bersifat khusus. Walau bagaimanapun, tahap pengetahuan dan tahap pemahaman seseorang mampu berubah daripada masa ke masa sekiranya mereka kerap mendengar dan menggunakan perkataan-perkataan tersebut dituturkan. Justeru, kajian ini menyimpulkan bahawa penggunaan dialek dalam kegiatan dakwah, khususnya, perlu dihadkan pada leksikal dialek yang bersifat umum sahaja dan tidak berkait dengan hukum-hakam. Hal ini kerana penggunaan leksikal yang bersifat khusus boleh menimbulkan pelbagai kekeliruan makna, sekali gus mengganggu pemahaman terhadap hukum-hakam yang disampaikan.

RUJUKAN

- al-Quran. 2009. *Terjemahan Hidayah Al-Quran Al-Karim*. Batu Caves: Al Hidayah House of Qurn Sdn. Bhd.
- Abdul Hamid Mahmood. 1990. Dialek Terengganu: Satu Tinjauan Ringkas. *Jurnal Dewan Bahasa* 34(3): 217-224.
- Asmah Haji Omar. 1988. *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 1991. *Kepelbagaian Fonologi Dialek-dialek Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dwight Atkinson. 2002. Toward a Sociognitive to Second Language Acquisition. *The Modern Language Journal* 86(4): 525-545.
- Ayatrohaedi. 1983. *Dialektologi Sebuah Pengantar*. Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa Departemen Pendidikan dan Kebudayaan.
- Edhy Rustan. 2011. *Bahasa dan Dakwah*. <http://altajdidstain.blogspot.my/2011/02/bahasa-dan-dakwah.html> [25-5-2017].
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Zaharani Ahmad, Nor Hashimah Jalaluddin, Harishon Radzi. 2016. Dialek Sebagai Satu Alat Pengajaran Bahasa Melayu. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)* 2(2): 80-84.
- J. K. Chambers & Peter Trudgill. 1998. *Language Arts and Disciplines*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Idris Aman, Mohammed Azlan Mis. 2014. *Variasi Bahasa*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ismail bin Dahaman, Abdul Jalil bin Haji Anuar, Nor Hazizan bin Talib, Nawi bin Ismail, Hashim bin Abdul Rahman, Haji Alias bin Haji Omar, Abdullah Bin Muhammad, Mohd. Ali bin Hitam, Tengku Fauziah binti Ku Mat. 2015. *Glosari Dialek Terengganu* Ed, ke-2. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB).
- Junaini Kasdan, Nor Hashimah Jalaluddin & Zaharani Ahmad. 2011. "bersama" DAN "bersama-sama dengan": Analisis Sosiokognitif. *Jurnal Linguistik* 14: 1-18.
- James T. Collins. 1989. *Malay Dialect Research In Malaysia: The Issue Of Perspective*. Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde 145(2/3): 235-264.
- Nazilah Mohamad, Siti Zanariah Yusoff, Faradi Rohani, Nor Hafizah Abdullah, Sharipah Nur Mursalina Syed Azmy. 2016. Dialek Suatu Dimensi Baharu Dalam Promosi Perniagaan, *Proceeding of ICECRS*, 1 (2016) 647-652 [<http://ojs.umsida.ac.id/index.php/icecrs>] [1 November 2016].
- Noor Rohana Mansor, Noraien Mansor, Normaliza Abd Rahim. 2013. Dialek Melayu Terengganu: Pendokumentasian dan Pengekalan Warisan Variasi Bahasa Tempatan. *Jurnal Melayu* 1: 21-35.
- Normaliza Abd Rahim, Noraien Mansor dan Noor Rohana Mansor. 2014. Perbualan Masyarakat Daerah Kuala Terengganu. *Journal Of Business And Social Development* (2)1: 49-56.
- Zalina Mohd Zalzali. 2003. Dialek Terengganu di sekitar Kawasan Pantai Mukim Rusila, Daerah Marang: Satu Kajian Kes. Latihan Ilmiah, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya. <http://al-akhaffandi.blogspot.my>

Junaini Kasdan
Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600, Bangi, Selangor Darul Ehsan
Emel: junaini@ukm.edu.my

Muhammad Fahmi Abu Hassan
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK)
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600, Bangi, Selangor Darul Ehsan
Emel: fahmiis1994@gmail.com

Diserahkan: 15 Mei 2018
Diterima: 13 Ogos 2018

